

Tangkapan Zunar: Hisham terus membisu
Malaysiakini.com
October 1, 2010

Hampir seminggu sudah berlalu selepas tahanan mengejut polis ke atas pelukis kartun terkenal tanahair, Zulkiflee Anwar Ulhaque, atau lebih dikenali sebagai Zunar, namun Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hishammuddin Hussein tidak mahu mengulas lanjut.

Beliau sebaliknya cuba mengelakkan soalan daripada wartawan dan terus mempertahankan bahawa polis telah menjalankan tugas mereka dengan adil dan profesional.

"Saya cuma katakan terdapat begitu banyak kes dengan fakta yang berbeza. Kita tidak mahu membuat komen kerana masih di bawah siasatan," katanya apabila ditanya mengenai tindakan pantas polis menahan Zunar berbanding dengan kejadian dakwaan rasis yang lain.

Zunar ditangkap beberapa jam sebelum beliau dijadual melancarkan buku komik terbarunya, *Cartoon-O-Phobia* pada 24 September lalu.

Beliau dibebaskan selepas lebih 24 jam kemudian tetapi tidak sebelum diheret ke tujuh balai polis sekitar Kuala Lumpur dan Selangor. Penerbitnya, Kinibooks - anak syarikat penerbitan *Malaysiakini* - juga digelidah oleh polis.

Hishammuddin sebelum ini berkata Zunar ditangkap kerana menghina sistem perundangan negara, agama dan juga berhubung isu penggunaan kalimah Allah.